


# Wahana AKADEMIK



JURNAL ■ UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA ■ CAWANGAN KEDAH ■ KAMPUS SUNGAI PETANI

Vol. 1 No. 1 ■ Jun 2002



*Hadiah  
Maj. 1*

- Analisis Fungsi Permintaan Wang di Malaysia  
Kaedah Pembolehubah Bertanggung Pelarasan Separa (Tahun 1960-Tahun 2000)
- Capital Budgeting in Investment and Project Appraisal
- Gambaran Sektor Pertanian Padi di Malaysia dan Kepenggunaan Tenaga Buruh di Sektor Tersebut
- How to Analyse Time Series Data Using Cointegration Techniques
- Key Success Factors of TQM Organizations : A Review of the Literature
- Language Enrichment Activities for Preparatory English
- Learning Styles Useful in Improving Students' Learning
- Malaysian Accounting Standards Overload?
- Motivational Styles and Instructional Designs of Second Language Learning :  
A Brief Insight into Students' Language Learning Preferences
- Pengaruh Bahasa Inggeris Terhadap Kecemerlangan Pelajar :  
Kajian di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah, Kampus Sungai Petani
- Perbankan Islam: Bank Islam Malaysia Berhad
- Pengaplikasian Kerajaan Elektronik oleh Jabatan Kerajaan :  
Dari Perspektif Pengurusan Rekod
- Self Assessment : An Opportunity to Reduce Tax
- The Admissibility of DNA Profiling under Islamic Law of Evidence

*Hadiah*

**UiTM**  
**(KEDAH)**



## **KANDUNGAN**

Kata-kata Aluan Penaung	i
Kata-kata Aluan Penasihat	ii
Dari Ketua Penyunting	iii
Analisis Fungsi Permintaan Wang di Malaysia Kaedah Pembolehkan Tertanggung Pelarasan Separa (Tahun 1960 – Tahun 2000)	
<i>Kamal Bahrin Shamsuddin</i>	1
Capital Budgeting in Investment and Project Appraisal	
<i>Wong Soon Heng</i>	14
Gambaran Sektor Pertanian Padi di Malaysia dan Kepenggunaan Tenaga Buruh di Sektor Tersebut	
<i>Maznah Wan Omar</i>	21
How To Analyse Time Series Data Using Cointegration Techniques	
<i>Nik Muhd Naziman Ab Rahman</i>	30
Key Success Factors of TQM Organizations: A Review of the Literature	
<i>Prof. Madya Mohammad Zaki Ayob dan Prof. Madya Fatimah Mohd Saman</i>	38
Language Enrichment Activities for Preparatory English	
<i>Ho Chui Chui</i>	52
Learning Styles Useful in Improving Students' Learning	
<i>Mak Kem Seng</i>	58
Malaysian Accounting Standards Overload?	
<i>Mohd Azhar Osman C.A. (M)</i>	68

Motivational Styles and Instructional Designs of Second Language Learning: A Brief Insight into Students' Language Learning Preferences

*Francis Xavier A.S. Rajoo* 76

Pengaruh Bahasa Inggeris Terhadap Kecemerlangan Pelajar: Kajian di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah, Kampus Sungai Petani

*Noor Saliza Zainal dan Normala Ismail* 87

Perbankan Islam: Bank Islam Malaysia Berhad

*Noor Saliza Zainal* 101

Pengaplikasian Kerajaan Elektronik oleh Jabatan Kerajaan: Dari Perspektif Pengurusan Rekod 109

*Asmadi Mohammed Ghazali*

Self Assessment: An Opportunity to Reduce Tax

*Wan Faizah Wan Abdullah* 115

The Admissibility of DNA Profiling under Islamic Law of Evidence

*Nor Fadzlina Nawi* 122

## **KATA-KATA ALUAN PENAUUNG**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Tahniah diucapkan kepada Jawatankuasa Jurnal Akademik UiTM Cawangan Kedah khasnya dan warga akademik UiTM Cawangan Kedah amnya kerana telah berjaya menerbitkan penerbitan pertama WAHANA AKADEMIK iaitu Jurnal Akademik UiTM Cawangan Kedah. Usaha ini adalah sejajar dengan cabaran era globalisasi yang memerlukan keupayaan penguasaan dalam pelbagai bidang ilmu. Masyarakat yang tidak mempunyai ilmu akan terus ketinggalan dan terkebelakang dalam segala segi. Sebagai sebuah universiti, para pensyarah dapat memainkan peranan yang penting dalam menghadapi cabaran ini kerana ilmu yang diturunkan dalam bentuk penulisan dapat mengubah nasib sesebuah masyarakat. Oleh itu para pensyarah perlulah berusaha untuk melengkapkan diri dengan meningkatkan pengetahuan tentang bidang masing-masing serta komited dengan penulisan dan penerbitan.


Saya amat berharap kewujudan jurnal WAHANA AKADEMIK akan menjadi pemacu kepada percambahan dan pertumbuhan ilmu serta menjadi saluran utama kepada penerbitan pensyarah UiTM khasnya UiTM Cawangan Kedah.

Saya juga berharap penerbitan jurnal ini dapat dimanfaatkan oleh semua warga kampus UiTM khasnya dan masyarakat amnya dalam usaha untuk memperbanyakkan lagi khazanah ilmu.

Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan syabas di atas kejayaan menerbitkan WAHANA AKADEMIK.

Sekian. Terima kasih.

Wassalam.



**Prof. Madya Dr. Zaliha bt. Hj. Hussin**  
*Pengarah Kampus  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah  
Kampus Sungai Petani*

## **KATA-KATA ALUAN PENASIHAT**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada Jawatankuasa Jurnal Akademik Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah di atas usaha menerbitkan WAHANA AKADEMIK. Penerbitan jurnal ini adalah selaras dengan aspirasi negara yang mahukan setiap rakyatnya mempunyai ilmu pengetahuan.

Kegiatan penulisan dalam pembentukan profesyen seorang pensyarah di institusi pengajian tinggi adalah sangat penting. Ini adalah kerana dengan melibatkan diri di dalam penulisan akademik, pensyarah dapat menunjukkan bahawa ia sentiasa berusaha untuk melengkapkan diri dan berkemampuan untuk meningkatkan ilmu pengetahuan sesuai dengan tarafnya sebagai seorang ahli akademik. Walau pun sibuk dengan beban pengajaran yang banyak, tetapi pensyarah tidak wajar menjadikannya sebagai alasan untuk tidak terlibat dalam bidang penulisan. Oleh itu, saya menyeru agar pensyarah sekalian berusaha menjadikan penulisan sebagai satu budaya serta memainkan peranan dengan sebaik-baiknya bagi menyempurnakan kegiatan yang berfaedah ini.

Saya juga berharap agar pensyarah menggunakan peluang untuk mendalami ilmu, mengemukakan pendapat dan seterusnya menyebarkan pengetahuan melalui ruang yang disediakan oleh WAHANA AKADEMIK ini dengan sebaik mungkin. Sesungguhnya penerbitan jurnal ini merupakan satu mekanisme yang dapat mempertingkatkan status akademik pensyarah UiTM Cawangan Kedah di mata masyarakat.

Sekian. Semoga segala usaha dan sumbangan bakti Jawatankuasa tuan/puan semua diberkati Allah S.W.T.

Wassalam.



**Zauyah bt. Abd. Razak**  
*Timbalan Pengarah Kampus  
Bahagian Hal Ehwal Akademik  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah  
Kampus Sungai Petani*

## **DARI KETUA PENYUNTING**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Syukur kepada Allah kerana penerbitan pertama 'WAHANA AKADEMIK,' iaitu jurnal akademik pertama Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah akhirnya dapat diterbitkan. Usaha untuk menerbitkan jurnal ini lahir daripada kesedaran bahawa budaya penulisan perlu dipupuk di kalangan ahli akademik. 'Wahana' yang bermakna alat untuk melahirkan atau menyampaikan fikiran atau pendapat diharap akan dapat dimanfaatkan oleh ahli akademik dalam usaha untuk menyalur dan berkongsi maklumat mengenai perkembangan pelbagai bidang akademik kepada pembaca.

Semua pihak dialu-alukan untuk mengemukakan karya penulisan dan penyelidikan yang belum pernah diterbitkan untuk dimuatkan di dalam jurnal ini. Penulisan boleh dibuat dalam bentuk karya asal penyelidikan, kajian kes, ulasan artikel, pendapat dan lain-lain bentuk penulisan akademik daripada berbagai disiplin pengajian.

Terima kasih dan syabas diucapkan kepada semua penyumbang-penyumbang artikel bagi penerbitan sulung ini. Setinggi-tinggi penghargaan ditujukan kepada penaung, penasihat, ahli jawatankuasa jurnal, semua pensyarah serta kakitangan Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah sama ada yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung di dalam proses menerbitkan jurnal ini. Tanpa bimbingan, bantuan, sokongan dan kerjasama tersebut, penerbitan ini tidak mungkin menjadi kenyataan.

***Wan Faizah bt. Wan Abdullah***

# GAMBARAN SEKTOR PERTANIAN PADI DI MALAYSIA DAN KEPENGGUNAAN TENAGA BURUH DI SEKTOR TERSEBUT

MAZNAH WAN OMAR

*Pensyarah Pengurusan  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah  
Kampus Sungai Petani  
E-mel: [maznahwa@kedah.itm.edu.my](mailto:maznahwa@kedah.itm.edu.my)*

## ABSTRAK

*Sektor pertanian menghadapi satu cabaran di mana generasi muda tidak berminat untuk melibatkan diri dalam sektor pertanian padi. Masalah ini menjadi kritikal kerana umur petani sedia ada semakin meningkat dan terdapat banyak tanah-tanah pertanian terbiar yang tidak diusahakan. Situasi ini boleh mengancam masa depan industri pertanian padi.*

**Kata kunci:** *Tenaga Buruh, Hasil Keluaran Beras, Penggunaan Beras, Hujan Monsun, Peningkatan Kecekapan, Kemiskinan, Dasar Padi*

## PENGENALAN

Buruh merupakan faktor yang penting dalam mana-mana aktiviti ekonomi. Perkembangan pesat sektor awam dan industri perusahaan serta perluasan kemudahan pelajaran telah membolehkan penghijrahan golongan muda dari kawasan luar bandar untuk mendapatkan pekerjaan di bandar. Akibat daripada penghijrahan belia ke bandar, sebahagian besar tenaga kerja di kawasan luar bandar terutamanya kawasan sawah padi, terdiri daripada golongan-golongan tua sahaja. Golongan muda yang masih terdapat di kawasan luar bandar didapati semakin kurang berminat untuk terlibat dengan kegiatan-kegiatan pertanian. Tambahan pula, saiz sawah tidak ekonomik menyebabkan petani-petani meninggalkan sawah-sawah kecil untuk mencari pekerjaan lain (Abdullah Abd. Latib, 1996).

Abdullah Sudin (1999) dalam kajiannya yang bertajuk '*Briged Pengurusan Ladang KADA*' di Kelantan, mendapati, purata umur petani padi ialah 53.2 tahun. Taklimat yang di berikan oleh pihak Kelantan '*Agricultural Development Authority, (KADA)* kepada Jawatankuasa Penyelidikan dan Perundingan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan pada tahun 2000, mendapati:

- (a) Peringkat umur petani yang paling ramai terlibat dalam industri padi adalah di antara 40 tahun hingga 65 tahun.
- (b) Purata umur petani pada tahun 1975 ialah 47 tahun dan ianya meningkat kepada 51.4 tahun pada tahun 1994.

Ini menunjukkan bahawa golongan buruh yang mengusahakan padi pada masa sekarang masih terdiri daripada golongan tua, manakala golongan muda pula tidak ramai yang berminat untuk menceburi sektor padi bagi menggantikan buruh yang sedia ada.

### **PENGELUARAN DAN PENGGUNAAN BERAS DUNIA**

Beras merupakan makanan asasi untuk hampir separuh penduduk dunia dan yang kedua penting berbanding dengan gandum. Sejak berabad, beras menjadi makanan utama di Asia. Hasil keluaran beras dunia dalam tahun 1981 hingga tahun 1992 meningkat ke 406 juta tan metrik daripada kawasan tanaman seluas 145 juta hektar. Beras juga menjadi tanaman eksport yang semakin penting bagi negara Amerika Syarikat dan Australia. Namun, sebahagian besar daripada keluaran padi dihasilkan di Asia Monsun meliputi sebanyak 90% keluaran dunia. Daripada angka tersebut 64% pula datangnya dari Asia Tenggara dan Asia Timur. Malah dua pertiga daripada kawasan keluaran beras terletak di Asia (G.Kalshoven, 1984).

Dalam tahun 1997 sehingga tahun 1998, anggaran penggunaan beras dunia adalah sebanyak 384 juta tan metrik setahun dan jumlah ini tidak berubah berbanding tahun 1996 hingga 1997 tetapi ia menunjukkan sedikit peningkatan berbanding tahun-tahun sebelumnya. Sementara itu pengeluaran beras dunia pula adalah dianggarkan sebanyak 383 juta tan metrik pada tahun 1997/98 dan jumlah ini adalah sama dengan tahun 1996/97.

Stok beras dunia yang sudah diproses pula, untuk tahun 1997/98 adalah sebanyak 53 juta tan metrik dan jumlah stok ini telah menurun sebanyak 1.9% dari tahun sebelumnya. Pengeluaran dan penggunaan beras dunia ini digambarkan dalam **Jadual 1** di **Lampiran 1**.

Pengeluaran beras dunia banyak bergantung kepada cuaca dan musuh tanaman seperti tikus, ulat, serangga, burung, kulat, siput dan hujan monsun kerana hampir dua pertiga daripada kawasan keluaran padi terletak di Asia.

Keluaran padi di Asia telah meningkat dari 455 juta tan metrik dalam tahun 1988 kepada 522 juta tan metrik pada tahun 1996, ini disebabkan oleh hujan monsun yang stabil. Anggaran pengeluaran padi di Asia untuk tahun 1997 tidak berubah seperti mana tahun 1996.

Sementara itu, penggunaan beras sentiasa menunjukkan peningkatan dari tahun ke tahun, dengan purata peningkatan sebanyak 3.6% setahun dari tahun 1988 sehinggalah 1993. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh pertambahan bilangan penduduk dunia dari tahun ke tahun.

Dunia belum menghadapi masalah kekurangan stok beras untuk penggunaan kerana pengeluaran kini masih lagi berlebihan berbanding dengan penggunaan. Namun untuk masa hadapan, penggunaan yang sentiasa meningkat pada kadar yang cepat berbanding dengan pengeluaran padi yang



meningkat dengan kadar yang perlahan akan menimbulkan masalah kekurangan bekalan padi.

### **PENGELUARAN DAN PENGGUNAAN BERAS DI MALAYSIA**

Perusahaan penanaman padi merupakan industri pertanian yang terawal di Malaysia. Pada peringkat awalnya penanaman padi adalah merupakan perusahaan yang kedua paling luas penggunaan tanah pertanian selepas tanaman getah. Namun ia tidak menjanjikan pulangan lumayan kepada mereka yang terlibat. Padi biasanya dikaitkan dengan sektor yang dimonopolikan oleh orang Melayu dan sektor ini adalah sektor yang melambangkan kemiskinan. Rata-rata penduduk yang terlibat adalah terdiri dari kaum bumiputera. Perolehan hasil padi adalah antara yang terendah berbanding dengan bidang pertanian lain. Produktiviti tanah (RM per hektar) boleh digambarkan dalam **Jadual 2** di **Lampiran 2**.

**Jadual 2** menggambarkan bahawa produktiviti padi per hektar tidak menjurus kepada peningkatan yang memberangsangkan sejak tahun 1980 sehinggalah anggaran hasil diterima pada tahun 2000. Jika dibandingkan produktiviti tanah pada tahun 1990 dengan tahun 2000, didapati bahawa produktiviti tanah untuk padi dianggarkan jatuh dari RM1,569 per hektar kepada RM1,383 per hektar.

Padi adalah tanaman strategik. Ia merupakan tanaman keselamatan serta berperanan sebagai sumber utama makanan negara. Tanaman padi mempunyai kedudukan istimewa dalam sektor pertanian dan di dalam Dasar Pertanian Negara. Dengan itu kerajaan telah memberikan tumpuan yang lebih dalam sektor ini dengan mewujudkan pelbagai pelan kemudahan bagi meningkatkan produktiviti dan pendapatan petani. Kerajaan juga telah menggubal dasar yang khusus berkenaan dengan padi dan beras yang dikenali sebagai Dasar Padi dan Beras Negara (DPBN).

#### **Dasar Padi dan Beras Negara (DPBN)**

Dasar Padi dan Beras Negara (DPBN) merupakan komponen yang penting dalam Dasar Makanan Negara. Tiga objektif utama DPBN ialah:

- (i) Memperbaiki dan mempertingkatkan lagi pendapatan petani
- (ii) Meningkatkan pengeluaran beras dan mengurangkan import serta memenuhi kadar mampu diri, dan
- (iii) Menjamin kesejahteraan pengguna dengan jaminan bekalan beras dan harga yang berpatutan.

Sebelum merdeka, penekanan terhadap tanaman makanan kurang diberi perhatian oleh pemerintah kerana tanaman eksport memberikan pulangan yang lebih tinggi. Kadar mampu diri (*self-sufficiency*) pada masa itu hanyalah 56%.

Selepas merdeka pula penekanan ke atas kadar mampu diri telah diberi perhatian, terutama setelah berlaku krisis kekurangan beras dunia pada tahun 1973/74 di mana kesukaran untuk mendapatkan bekalan import akibat bencana alam yang melanda negara-negara pengeksport beras dunia. Dengan

perubahan dasar tersebut, penumpuan diberikan ke atas kawasan-kawasan jelapang padi dengan kemudahan pengairan serta sokongan input yang dapat mempertingkatkan keluaran padi.

### **Penggunaan dan Masalah Tenaga Buruh Dalam Industri Padi**

Lim Teck Ghee (1985) dalam kajiannya di Perairan '*Muda Agricultural Development Authority*' (MADA) mendapati kira-kira 52% penggunaan tenaga buruh (43.5 tenaga per jam) adalah untuk mencedung, di mana 21% (18 tenaga per jam) digunakan untuk menyediakan semaian. Lain-lain kerja yang memerlukan buruh ialah merumput 8.5 tenaga per jam, membaja 5 tenaga per jam dan membuat batas 4.5 tenaga per jam. Paling sedikit penggunaan buruh adalah untuk menuai iaitu kurang 1 tenaga per jam.

Kajian ini mendapati sawah padi yang saiznya kecil iaitu antara 3 hingga 6 relung / 0.84 hingga 1.64 hektar. Purata penggunaan input buruh pula ialah sebanyak 88 tenaga per jam setiap relung. Saiz satu relung adalah bersamaan dengan 0.711 ekar atau 0.288 hektar.

Jika diandaikan ada 6 tenaga per jam sehari, maka ia memerlukan kira-kira 14.7 tenaga per jam sehari untuk setiap relung atau kira-kira 50 tenaga per jam sehari sehektar. Kadar ini sebenarnya telah berkurangan berbanding dengan tahun 1974 di mana ia memerlukan 77 tenaga per jam sehari buruh sehektar.

Jumlah penggunaan buruh di kawasan MADA ini jauh lebih rendah berbanding dengan penggunaan buruh di negara-negara luar. Contohnya di Asia Tenggara, purata penggunaan buruhnya ialah 117 tenaga per jam sehari, di Asia Timur ialah 112 tenaga per jam sehari dan di Asia Selatan ialah 169 tenaga per jam sehari.

Dalam kajian yang sama juga, bagi saiz sawah yang besar (lebih 20 relung), penggunaan buruh daripada ahli keluarga adalah 14.3% dan selebihnya daripada buruh berbayar. Berbeza dengan saiz sawah yang kecil di mana 78.4% jumlah buruh datangnya dari ahli keluarga sendiri. Jumlah buruh berbayar yang digunakan untuk aktiviti mencedung bagi kedua-dua saiz sawah adalah sebanyak 55.1% daripada jumlah buruh yang digunakan.

G. Kalshoven et. al. (1984) mendapati, terdapat tiga sumber tenaga buruh padi iaitu sumber dari keluarga, buruh berbayar dan gotong-royong. Sebanyak 77% input buruh dibekalkan oleh buruh keluarga, 22% oleh buruh berbayar dan selebihnya dari gotong-royong terutama semasa menuai. Berdasarkan aktiviti penyediaan sawah, penjagaan tanaman, membaja dan membersihkan sawah sepenuhnya dilakukan oleh buruh keluarga. Hanya aktiviti mencedung dan menuai yang memerlukan input buruh berbayar, di mana 14% buruh berbayar digunakan untuk mencedung.

Walau bagaimanapun, dengan pengenalan penanaman dua kali setahun telah mengubah corak penggunaan buruh di kawasan pertanian Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu. Permintaan agregat buruh telah meningkat dengan peningkatan penanaman itu. Tetapi permintaan untuk setengah aktiviti

seperti menuai telah jatuh kerana digantikan oleh penggunaan jentera yang semakin intensif.

Kalshoven et. al. (1984) juga mendapati bahawa hanya 1.4 orang dalam setiap isi rumah yang secara aktif terlibat dengan pengeluaran padi dan 1.6 orang isi rumah terlibat secara separuh masa. Penglibatan yang rendah ini disebabkan oleh 3 faktor:

- (i) Penanaman padi tidak menarik minat generasi muda dan ia hanya merupakan pekerjaan pilihan terakhir bagi mereka yang tidak memperoleh kerja-kerja lain.
- (ii) Kaedah pengeluaran padi di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu banyak diasaskan kepada sistem pawah (*share cropping*) dan ini tidak menarik minat generasi muda.
- (iii) Kos melepas yang relatifnya tinggi ke atas buruh yang terlibat dengan pengeluaran padi.

Ketiga-tiga faktor ini menjadikan sektor penanaman padi sebagai bidang kerjaya yang kurang diminati oleh generasi muda. Oleh sebab itu, rata-rata petani yang terlibat dalam penanaman padi adalah yang berumur melebihi 50 tahun. Keadaan ini membimbangkan walau pun penggunaan jentera dan teknologi canggih telah dan terus digunakan, namun keperluan kepada tenaga buruh bagi melaksanakan beberapa aktiviti penanaman padi masih diperlukan.

Kekurangan tenaga kerja ini sememangnya diakui oleh kerajaan di mana dalam Dasar Pertanian Negara (DPN) 1992 – 2010 telah pun menyatakan bahawa masalah utama dalam bidang pertanian termasuk penanaman padi ialah kekurangan tenaga kerja, peningkatan kos buruh, penawaran buruh yang tidak stabil dan peningkatan kos pengeluaran yang mengancam daya saing sektor ini.

Walau pun kadar pengeluaran beras negara umumnya bertambah dari tahun ke tahun. Pertambahannya adalah perlahan berbanding dengan pertumbuhan penduduk. Peningkatan jumlah penduduk yang pesat menyebabkan pertumbuhan keperluan beras melebihi keupayaan pengeluaran negara. Ini menjadikan kadar mampu diri negara semakin berkurang dari semasa ke semasa.

## **KESIMPULAN**

Beberapa cadangan dapat diutarakan di sini, antaranya:

- (a) Mewujudkan kumpulan tenaga pengurusan ladang yang berdaya maju dan berdaya saing setanding dengan industri perusahaan
- (b) Lembaga pertanian padi juga patut mewujudkan kaedah '*cropping intensiti*,' agar peningkatan pengeluaran padi dapat dipertingkatkan

pada tahap 200%.

- (c) Sistem pertanian komersial boleh diwujudkan untuk mengusahakan ladang yang mempunyai saiz yang ekonomik. Justeru itu dapat mengurangkan masalah tenaga kerja

## RUJUKAN

- Abdullah Abd. Latib. 1996. *Industri Padi dan Beras Negara, Analisis Kesan Leberalisasi*. Tesis Sarjana Ekonomi. UKM.
- Abdullah Sudin, Sapiai Abd. Rahman, Mohd Nor Shapiin, Maznah Wan Omar, Che Khalil Hassan, Halim Shuhaimi Yeop Johari. 1999. *Kajian Kemungkinan Mewujudkan Briged Pengurusan Ladang KADA*. Laporan Akhir Projek Penyelidikan KADA 1999: 40.
- Asan Ali Golam Hassan. 1998. *Nasib Pesawah MADA Terbelah*. *MASSA* Disember: 12 19.
- Chamhuri Siwar, Mohd Yusof Kasim dan Abdul Malik Ismail (pnyt). 1992. *Ekonomi Bumiputera Selepas 1990*. Bangi: UKM.
- Fadzim Othman. 1992. *Agricultural Land Use: Problem and Prospects*. *Jurnal Ekonomi Malaysia UKM Bangi* 25 Jun: 30 36.
- Francesca Bray. 1986. *The Rice Economics: Technology and Asian Societies*. USA: Basil Blackwell Inc.
- Kalshoven, G., Daane, JRV., Fredericks, L.J., Van den Steen, F., Ommerenand, V., Tilburg, A.V. *Paddy Farmers, Irrigation and Agricultural Services In Malaysia. A Case Study In The Kemubu Scheme*. Agricultural. University Wageningen, Netherlands. 1984: 64 66 .
- Kelantan Agricultural Development Authority. 1997. *Laporan Tahunan KADA 1996 dan 1997*.
- Kementerian Pertanian Malaysia. 1993. *Dasar Pertanian Negara 1992 – 2010*.
- Lim Teck Ghee. 1985. *Small and Large Paddy Farms in MUDA: A Comparison of Organization of Production, Yields and Profitability*. Kertas Projek. USM.
- Mohd Azmi Hj. Yusof. 1988/89. *Analisa Permintaan Gunatenaga Buruh di Rancangan Kemajuan dan Pemulihan Tanah*. KESEDAR. Kertas Projek. B.Sc. Fakulti Ekonomi dan Pengurusan. UPM.

Mohd Yusof Kasim dan Md. Syadi Md. Tahir. 1992. *Ekonomi Malaysia: Beberapa Isu Utama*. UKM. Bangi: 28-32.

United Nations. 1997. *Food and Agriculture Organization of The United Nations*. Rome: 12.

### Lampiran 1

**Jadual 1 : Pengeluaran dan Penggunaan Beras Dunia (Juta Tan Metrik)**

PENGELUARAN	1993/94	1994/95	1995/96	1996/97	1997/98
i) Beras	361	368	375	383	383
ii) Padi	538	548	559	571	571
PENGGUNAAN	365	373	378	384	384
STOK BERAS	63	56	54	54	53

*Sumber: Food and Agriculture Organization, May 1997.*

## Lampiran 2

**Jadual 2 : Produktiviti Tanah (RM/Hektar) (Harga Asas 1978)**

PRODUKTIVITI	1980	1985	1990	1995	2000
Getah	1192	1168	1565	2014	2325
Kelapa Sawit	2173	2431	2764	3282	3627
Koko	1486	1794	2725	3181	3634
Padi	870	967	1569	n.a.	1383
Kelapa	295	671	612	626	639

*Sumber : Kementerian Pertanian 1993*